

Sejam tersepit

Pejalan kaki parah dilanggar Perodua Myvi terbabas

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Seorang pejalan kaki lelaki nyaris maut apabila tersepit bawah kereta Perodua Myvi yang melanggarnya dalam kejadian di hadapan Hotel Corus, Jalan Ampang, kira-kira jam 7.10 pagi semalam.

Mangsa, berusia 30-an, terpaksa menanggung kesakitan hampir satu jam sebelum berjaya diselamatkan anggota bomba yang tiba di lokasi pada kira-kira 7.25 pagi.

Pengarah Bomba Kuala Lumpur, Khirudin Drahman berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 7.15 pagi dan sampai ke lokasi 10 minit kemudian dan mendapati seorang lelaki tersepit di



Bomba berusaha mengeluarkan pejalan kaki yang tersepit bawah Perodua Myvi yang terbabas di Jalan Ampang pagi semalam.

bawah Perodua Myvi yang terbabas ke bahu jalan.

Menurutnya, mangsa cedera parah dan anggota bomba kemudian berusaha mengeluarkan mangsa dengan mengangkat kenderaan berkenaan secara berhati-hati.

"Usaha mengeluarkan mangsa yang tersepit mengambil masa kerana bimbang berlakunya tumpahan minyak.

"Kita juga bimbang mangsa meng-

alami kecederaan lebih teruk jika berlaku kesilapan ketika kerja mengangkat kereta itu.

"Mangsa berjaya dikeluarkan sekitar jam 7.50 pagi,"katanya.

Sementara itu, dua lagi mangsa iaitu pemandu lelaki dan penumpang wanita Perodua Myvi masing-masing berusia 30-an cedera ringan.

Kesemua mangsa dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) rawatan lanjut.